KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

YB TIMBALAN MENTERI I PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

DUA MURID ORANG ASLI MENDAPAT KEPUTUSAN CEMERLANG 9A DALAM PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa terdapat 2 murid Orang Asli dari Negeri Pahang mencatat keputusan cemerlang 9A dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2020. Murid cemerlang ini adalah Juniza Ellyana a/p Teo Sea Huang dari SMK Rompin, Pahang dan Rozainizam a/l Azizian dari MRSM Muadzam Shah, Pahang.

Selain itu, terdapat seramai 90 murid Orang Asli lain telah mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM ini iaitu seramai 8 orang mencatat keputusan 8A, 10 orang dengan keputusan 7A, 8 orang dengan keputusan 6A, 31 orang dengan keputusan 5A serta 34 orang dengan keputusan 4A menjadikan jumlah keseluruhan murid Orang Asli cemerlang peperiksaan SPM tahun 2020 adalah seramai 93 orang.

Keputusan ini membanggakan KPLB selaku kementerian yang bertanggungjawab dalam Pembangunan Modal Insan masyarakat Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Umum mengetahui bahawa peperiksaan SPM tahun 2020 telah diadakan dalam norma baharu apabila negara telah dilanda dengan penularan pandemik Covid-19. Penularan pandemik ini telah menjejaskan persiapan murid untuk menghadapi peperiksaan SPM tahun 2020. Namun, kita tetap berbangga dengan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan oleh murid Orang Asli tersebut.

Kejayaan murid Orang Asli ini merupakan hasil kerja keras daripada semua pihak. Selain daripada usaha murid-murid berkenaan untuk berjaya, ucapan tahniah juga patut diberikan kepada ibu bapa, guru-guru serta JAKOA yang turut bersama-sama berganding bahu dengan menyediakan pelbagai jenis bantuan serta program-program kecemerlangan pendidikan yang dapat mendorong murid-murid ini untuk bersaing dengan masyarakat lain.

KPLB telah menyediakan peruntukan untuk bantuan pendidikan murid Orang Asli ini melalui bantuan wang saku, pengangkutan, peralatan sekolah, pakaian sekolah serta bantuan-bantuan lain dengan harapan murid-murid Orang Asli lebih bersemangat untuk mengubah nasib mereka melalui pendidikan.

Dikesempatan ini, KPLB mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menjalin kerjasama erat dalam menentukan halatuju pendidikan masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

-TAMAT-

YB DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar

12 JUN 2021



Rozainzam a/l Azizan, MRSM Muadzam Shah, 9A



Juniza Ellyana a/p Teo Sea Huang

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my